

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD  
TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 46**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh siap dan kos sebenar bagi menyiapkan projek Lebuhraya Tun Razak (FT12) dari Gambang ke Segamat dan bilakah fasa II projek naik taraf Laluan FT 12 Kuantan - Segamat yang melibatkan 100 km dari Paloh Hinai ke Segamat akan dimulakan. Projek ini telah bermula pada tahun 2015 dengan kos asal sebanyak RM300 juta, kerja-kerja pembinaannya telah melampaui beberapa tahun tanpa siap sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR12 Dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor (Fasa 1) yang melibatkan kerja menaiktaraf jalan sediaada dari piawaian R3 kepada R5 sepanjang 47km telah diluluskan semasa *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dengan kos keseluruhan sebanyak RM444,254,000. Projek ini bermula pada 5 Ogos 2015 dan dijangka siap pada 29 Ogos 2020. Status kemajuan projek ini sehingga ini adalah sebanyak 97%.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkaitan dengan cadangan Fasa II bagi projek naik taraf Laluan FT12 Kuantan - Segamat sepanjang 100 km dari Paloh Hinai ke Segamat, semakan Kementerian ini mendapati projek tersebut tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan dari pihak Kerajaan Negeri Pahang di dalam *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia ke-12 - (RP1, RMKe-12).

Sekian, terima kasih.